



Suara

BANDARAYA

MEI / JUN 1996

ISSN 0128 - 1194

TERBUKA PERCUMA

DBKL BERPERANAN PENTING MEMBANGUNKAN SUKAN



*Tan Sri Dato'
Kamaruzzaman Shariff
diperkenalkan kepada para
peserta Le Tour de Langkawi
di Dataran Merdeka*

Sukan kini semakin penting kerana menjadi pengukur kejayaan dan kemajuan sesebuah negara moden, bukan sekadar pertambahan semata-mata. Sukan sudah jadi kunci kepada identiti, imej dan maruah sesuatu bangsa dan negara. Maka wajarlah sukan diletakkan di tempat paling atas dan sentiasa mendapat perhatian setiap lapisan masyarakat. Pembangunan dan perkembangan sukan diperkatakan setiap hari, bukan sekadar di gerai, kedai kopi, kampung atau daerah, malah di pejabat, lobi hotel dan ruang menunggu di lapangan terbang.

Ahli-ahli sukan negara dan pemimpin-

pemimpin persatuan harus memahami dan memikul tanggungjawab yang maha berat ini. Masing-masing mempunyai tanggungjawab membangunkan sukan tanah air ke peringkat yang paling tinggi.

Sebagai ahli sukan yang berkaliber, keutamaan perlu diberi kepada pembentukan disiplin, fizikal dan mental yang mantap. Dalam hubungan ini, kita sedar betapa pemimpin-pemimpin sukan menghadapi kesukaran dan kesulitan. Persoalannya, apakah kaedah terbaik yang patut digunakan dalam mengekalkan kecemerlangan dan memastikan kemenangan dalam setiap pertandingan.

Kita semua harus sedar ahli sukan yang

berkaliber itu tidak semestinya berada dalam persatuan, mungkin masih ramai ahli sukan yang belum mendapat pendedahan yang luas dan pengalaman di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Terdapat ramai di kalangan para pelajar sekolah menengah dan institut pengajian tinggi yang berkemampuan dalam sukan yang masih belum diketengahkan. Tidak kurang juga dalam sektor sukan swasta dan sektor awam. Biasanya mereka ini masih ramai yang belum didedahkan. Selain itu strategi dan teknik permainan sukan perlu disediakan untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Para pemimpin, pengurus dan pegawai sukan perlu memainkan peranan penting

Rencana Menarik

SUARA BANDARAYA MEI / JUN 1996

1

DBKL Berperanan Penting
Membangunkan Sukan

2

Kandungan

3

Editorial

Daripada Meja Datuk Bandar

4

Kuala Lumpur In History
Jasa Dato' Teagarajan
Tetap Dikenang

5

An Integrated Transport System

6

A City In The Making

7

Tempat Jatuh Lagi Dikenang
Bukan Alasan

8 / 9 / 10 / 11

Peranan Masyarakat Melayu Dalam
Proses Urbanisasi

12

Bumbung Zink Cacatkan Kuala Lumpur

13

Raja Sweden Lawat Taman Orkid

14 / 15

Sukan Berkuda Hari Wilayah Meriah

16

Album Bandaraya

17

Jasa Lim Teng Eng Tetap Dihargai

18

Sajak: Suara
Borang Peti Cadangan

19

Peti Cadangan

20

Uji Dialog

21

Keputusan Pertandingan Sukan Berkuda

22

DBKL Berperanan Penting
Membangunkan Sukan

(Sambung Dari Muka 1)

23

Pembangunan Yang Terancang
Haji Ghani Rai Wargatua

24

Belanja Haru Ke Arah Kebaikan

25

Keluarga Bahagia Asas Masyarakat Unggul

26 / 27

Pekerja, Masalah dan Penyelesaian

28

Kuala Lumpur Today



T. Tandingan

Suara Bandaraya

EDITORIAL

Penasihat:

Sanusi bin Samid

Editor:

Md. Dahalan bin Md. Noor

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Jurufoto:

Mubarak Mohd Atan

Abdul Rani Mohd Sohor

Sumbangan

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel: 03-2916011 samb. 3855 dan Fax: 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat	
Bangunan DBKL	- 2916011
Hot Line (24 Jam)	- 4231127
Unit Kecemasan 24 Jam (JPBandar)	- 9843434
Skwad Penyelamat 24 Jam (DPenguatkuasaan)	- 420033
Aduan Awam	- 2934531
Aduan JKAL	- 2915128
Aduan JPPerumahan	- 2912112
	2911686
JPelelesen	2986177
JP Penjaja	2621988
DPenguatkuasaan	4231133
JPengangkutan Bandar	2916555
JPPerumahan	2938166
Bhg. Keb. & Sukan	2938044
B Ukur Bahan	2917011
Pej. Caw. Cher. S.	6211889
Pej. Caw. Damansara	7182277
Pej. Caw. Bangsar	
Jln Kelang Lama	- 7826117
Pej. Caw. Kepong	- 6272900
Pej. Caw. Setapak	- 4211142

GAPAI SASARAN



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff

Pegawai dan kakitangan DBKL, mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan tugas dan fungsi DBKL dapat dilaksanakan dengan efisien dan sempurna. Dalam hal ini diharapkan para pekerja dapat mempamerkan kecemerlangan untuk wargakota. Untuk itu ia memerlukan persediaan menanam semangat memupuk budaya kecemerlangan dalam diri. Justeru itu, seharusnya kita mengkaji semula kualiti dan produktiviti selari dengan kehendak semasa dan mampu menghadapi cabaran akan datang. Pegawai dan kakitangan DBKL seharusnya mengkaji

semula bidang tugas harian mereka agar selari dengan kehendak semasa, memenuhi cabaran-cabaran menjelang tahun 2000 dan diharapkan dapat memantapkan lagi imej DBKL.

DBKL merupakan sebuah organisasi yang besar yang mempunyai tanggungjawab dalam pentadbiran dan pengurusan bandar raya Kuala Lumpur. Selaras dengan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di Kuala Lumpur yang menjadi pintu masuk pelancong dari luar negara, perkhidmatan perlulah ditingkatkan secara moden. Sebenarnya Kuala Lumpur mengalami pertumbuhan pesat sejak wujudnya bandar raya tahun 1972. Sesuai dengan perkembangan itu, DBKL telah mengambil beberapa langkah yang positif untuk meningkatkan perkhidmatan kepada wargakota.

Diharapkan pegawai dan kakitangan DBKL dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik, dedikasi, semangat yang dinamis dan menjadikan kebanggaan DBKL. Sesuai dengan semangat itu, pegawai dan kakitangan DBKL boleh membantu menyumbangkan tenaga dan idea yang bernas kepada Kuala Lumpur.

Sebagai pekerja yang efisien adalah menjadi tanggungjawab DBKL melatih, memberi peluang, kemudahan menimba pengalaman sebagai pekerja yang sihat, progresif, produktif dan prestasi kerja yang baik. Bagi menentukan matlamat murni ini tercapai, DBKL sentiasa memberi peluang dan galakan kepada kakitangannya untuk menghadiri kursus dan melanjutkan pelajaran dalam dan luar negara. Pemerhatian kursus dibuat dan dinilai oleh pihak pentadbiran dari semasa ke semasa demi memenuhi keperluan semasa.

Saya berharap pegawai dan kakitangan DBKL dapat menunjukkan sikap yang baik dan mampu menonjolkan imej yang baik. Masing-masing perlu sentiasa berwaspada dan mengambil sikap yang positif, dapat membentaras dan menghalang kejadian yang negatif. Sesungguhnya, dengan kerjasama semua pihak, ia akan membantu meningkatkan imej organisasi yang lebih baik di samping menambahkan ketekapan, kualiti dan produktiviti para pekerja mencapai matlamat piagam pelanggan.

Hak Milik

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.